

KATA SOAL *BRAPA* DALAM DIALEK PERLIS: ANALISIS PROGRAM MINIMALIS

(Question Words Brapa in Perlis Dialect: A Minimalis Program Analysis)

Fazal Mohamed Mohamed Sultan
fazal@ukm.edu.my

Pusat Penyelidikan Kelestarian Sains Bahasa,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Terbit dalam talian (*published online*): 1 Jun 2018

Sila rujuk: Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2018). Kata soal brapa dalam dialek Perlis: Analisis program minimalis. *Jurnal Bahasa* 18(1), 103-120.

Abstrak

Makalah ini akan membincangkan kata soal yang berfokuskan kata soal terbuka, iaitu *brapa* dalam dialek Perlis dengan menggunakan pendekatan kerangka program minimalis. Data yang dianalisis dalam artikel ini diambil daripada kajian lapangan yang dilakukan di kawasan negeri Perlis. Data tersebut diperoleh dengan cara merakamkan perbualan informan yang menuturkan dialek Perlis. Penulis telah menggunakan dua kaedah kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan lapangan. Penulis menggunakan kaedah pustaka untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan kata soal, dan kaedah lapangan digunakan untuk mendapatkan data di kawasan lapangan. Kawasan yang dijadikan kawasan lapangan meliputi semua daerah yang terdapat dalam sempadan politik negeri Perlis. Setiap daerah dibahagikan mengikut petak-petak yang mempunyai skala 5km: 1cm untuk satu petak yang meliputi kawasan di utara, selatan, timur dan barat. Data yang telah dikumpulkan itu dicerakinkan dan dianalisis dengan menggunakan program minimalis. Kata soal yang bersifat *in-situ* ataupun bergerak dikaitkan dengan fitur yang dimiliki oleh kata soal *brapa* itu sendiri dan juga fitur OP yang telah menghalang pergerakannya. Hasilnya, kata soal *brapa* dalam dialek Perlis

bersifat bergerak dan *in situ* apabila dikaitkan dengan kedudukan dan kehadiran OP pada posisi Spek FKOMP. Analisis teoritikal membuktikan bahawa penutur natif dialek Perlis mempunyai kata soal terbuka yang mempunyai kedua-dua sifat *in situ* dan bergerak.

Kata kunci: kata soal terbuka, kata soal tertutup, Perlis, fitur, dialek

Abstract

This article will discuss the question word brapa that focuses on open-ended questions in the Perlis dialect, using the minimalist programme framework. The data analysed in this article was obtained through a field study conducted in the state of Perlis. The data was obtained through recording of native speakers of Perlis dialect. The researcher employed two research methods, namely library research and fieldwork. The researcher conducted library research to gather information related to question words, while fieldwork was carried out to obtain the data. The area for the field research covered all the districts within the political border of Perlis. Each district was divided into squares on a scale of 5km:1cm, covering the areas of the north, south, east and west. The data collected was analysed using the minimalist programme. The analysis shows that the in-situ or moved question word is related to the features of the question brapa itself, and also the OP feature that prevents its movement. As a result, the question word brapa in the Perlis dialect is moveable and also in-situ when it is associated with the position and presence of the OP in the Spec CP position. This theoretical analysis proves that the native speakers of the Perlis dialect have open-ended words that have both in situ and movable properties.

Keywords: open-ended question words, close-ended question words, Perlis, features, dialect

PENDAHULUAN

Menurut Ayatrohaedi, (1979) dialek berasal daripada bahasa Yunani yang dikenali sebagai *dialektos*. Dialek didefinisikan sebagai satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah atau negeri (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007). Menurut *Kamus Linguistik* (1997, p. 61) pula, dialek ialah kelainan bahasa yang berbeza dari segi sebutan, tatabahasa


dan kosa kata daripada bahasa baku. Oleh itu, dialek Melayu di Malaysia merupakan sebahagian daripada bahasa Melayu kerana lahirnya daripada rumpun yang sama. Walau bagaimanapun, sesetengah dialek masih lagi sukar difahami oleh penutur yang menuturkan dialek yang berbeza. Hal ini boleh dilihat pada penutur dialek Perlis (DP) yang tidak memahami dialek yang bukan daripada dialek Utara seperti dialek Kelantan atau dialek Sarawak. Perbezaan sebutan, leksikal dan pola bahasa yang tertentu yang wujud dalam sesuatu dialek itu telah menyebabkannya sukar difahami oleh penutur dialek lain (Sakinah & Fazal Mohamed, 2016). Namun, penulis hanya akan menghuraikan dan menjelaskan pola dan fenomena dalam kata soal yang wujud dalam DP secara lebih terperinci dan mendalam.

Kesemua kata soal dalam DP dilihat wujud pada posisi depan, tengah dan belakang ayat soal (Fazal Mohamed & Noriati, 2017). Makalah ini bertujuan untuk melihat salah satu daripada kata soal dalam DP, iaitu *brapa*. Kata soal ini dipilih kerana mempunyai sifat umum, iaitu boleh hadir di depan, tengah dan belakang ayat soal. Malah, sifatnya sebagai adjung dalam ayat memudahkannya menjadi wakil untuk kata soal yang lain. Oleh hal yang demikian, makalah ini bertujuan menganalisis kata soal *brapa* dalam DP, dan menghuraikan hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian ini. Analisis terhadap kata soal *brapa* DP dilakukan dengan menggunakan program minimalis (PM). Data diperoleh berdasarkan maklumat dan data yang telah dikumpulkan oleh penulis semasa kajian lapangan dijalankan. Data itu dikumpulkan daripada temu bual bersama-sama informan, iaitu penutur natif bagi DP. Hasil dapatan diperoleh setelah data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan PM. Hasil dapatan ini juga akan menunjukkan pergerakan yang dialami oleh kata soal yang bergerak dan juga faktor yang menyebabkan sesuatu kata soal itu tidak bergerak. Analisis ini mirip dengan analisis oleh Nurulafiqah (2010), namun yang berbeza ialah datanya. Penulis menggunakan data DP, iaitu dialek yang paling hampir dengan Thailand. Malah, skop penulisan ini hanya tertumpu pada kata soal *brapa* sahaja yang akan menjelaskan perbezaan pergerakannya melalui pendekatan minimalis yang akan cuba menjelaskan pergerakan opsyenal di semua posisi ayat.

Metodologi Kajian

Dalam proses memungut bukti atau data, beberapa perkara harus diperhatikan. Pertama, data harus cukup untuk dianalisis, ataupun data yang dikutip itu dapat dipercayai. Kedua, data yang dipungut itu dapat dianalisis dengan teknik yang sedia ada untuk membolehkan penyelidik membuat inteprestasi

dengan penuh keyakinan (Mohd Sheffie,1987). Dalam kajian ini data dikumpulkan melalui kaedah lapangan yang memerlukan pengkaji turun ke kawasan lapangan bagi mendapatkan data sebenar daripada penutur natif DP. Pengkaji ke kawasan kajian yang telah difokuskan terlebih dahulu mengikut peta yang bergrid seperti dalam Jadual 1. Kawasan kajian meliputi semua daerah yang terdapat di sempadan politik negeri Perlis. Dalam setiap daerah itu pula akan dibahagikan mengikut petak-petak yang mempunyai skala 5 kilometer untuk satu petak. Peta yang bergrid akan memudahkan pengkaji untuk mewakili semua kawasan dalam negeri Perlis yang meliputi kawasan di utara, selatan, timur dan barat. Beberapa kawasan telah diberikan tumpuan, iaitu menggunakan kawasan mukim dan juga nama kampung. Sebanyak 30 buah kampung telah dijadikan kawasan lapangan pengkaji.



Rajah 1 Peta kajian di Perlis.

Kampung tersebut ialah Kampung Batu Bertangkup, Kampung Dato Kaya Man Kangar, Felda Chuping, Felda Mata Ayer, Kampung Alor Ara Timur, Kampung Aman, Kampung Behok Mali, Kampung Belanga Purdak Bintong, Kampung Cheok, Kampung Guar Jentik, Kampung Guar Pelai dan Guar Gajah Arau, Kampung Kolam Padang Besar, Kampung Kuala Sanglang, Kampung Kubang Tiga, Kampung Kurong Batang, Kampung Mata Ayer, Kampung Padang Asam Chuping, Kampung Padang Keria, Kampung Padang Melangit Abi, Kampung Sungai Baru, Kampung Tambung Tulang Arau, Kampung Tandiak Baru Kuala Perlis, Kampung Tebuk, Kampung Ulu Pauh, Kampung Wang Kelian Padang Besar, Kangar, Kampung Kubang Purun, Kampung Permatang Pauh dan Kampung Titi Ulu. Kampung-kampung ini dipilih secara rawak berdasarkan petak yang mempunyai skala 5 kilometer untuk satu petak (Rujuk Peta 1), iaitu salah satu kampung yang berada dalam setiap petak itu akan dipilih sebagai kawasan kajian pengkaji. Walau bagaimanapun, kawasan yang dipilih itu sudah cukup untuk mewakili semua kawasan yang terdapat di negeri Perlis. Contoh peta berdasarkan skala grid yang telah dipecahkan kepada beberapa mukim:

KERANGKA PROGRAM MINIMALIS

Program Minimalis diperkenalkan oleh Chomsky pada tahun 1995. Program ini menekankan bahawa sesuatu teori mesti dapat menjelaskan nahu sesuatu bahasa itu seminimal yang mungkin. Program minimalis juga menekankan kepada deskriptif tentang nahu. Nahu deskriptif melibatkan proses memerhati, menjelaskan, dan menganalisis ayat yang dituturkan oleh penutur, dan bukan menjelaskan cara untuk mengujar, yakni nahu preskriptif.

Mengikut model ini, derivasi sesuatu ayat mengikut langkah berikut: melalui operasi pilihan, iaitu sesuatu item leksikal (yang mengandungi unsur fonetik, semantik, dan nahuan yang sesuai) akan dipilih daripada leksikon. Seterusnya akan melalui operasi gabung, iaitu konstituen-konstituen item leksikal digabungkan secara berpasangan membentuk rajah pohon. Akhirnya, selepas cetusan berlaku, penjurusan kepada unsur fonetik dan semantik akan diproses oleh operasi BF yang menghasilkan perwakilan BF. Unsur semantik diproses oleh operasi BL untuk menghasilkan perwakilan BL.

Operasi bergabung (*merge*), yakni dengan menghubungkan dua objek dalam hal membina satu tatatingkat yang baharu, seperti yang dinyatakan oleh Adger (2003, p. 69) "*Merge: which has the property of joining two syntactic objects together*".

Operasi gabung merupakan operasi yang menghubungkan dua perkara daripada bentuk LA untuk membentuk satu tatatingkat yang baharu. Penghubungan ini berlaku mengikut prinsip-prinsip tertentu seperti perlu mengenal pasti bahawa sambungan berkenaan memenuhi *extension condition* sama ada proses gabung selalunya berlaku pada nodus akar atau penghubungan ini menjadi seerat mungkin untuk kepala (*head*) dalam pembinaan akar. Elemen pertama dalam proses gabung untuk kepala frasa ialah pelengkapnya (*compliment*), dan yang lain merupakan spek. Kepala merupakan objek sintaksis yang dipilih dalam mana-mana proses gabung, iaitu penggabungan antara X dan Y menjadi struktur yang di kepalai oleh Z. Z ialah elemen utama dalam gabungan X dan Y. Semua posisi- θ dipenuhi oleh “*external*” menggabungkan (*merge*) antara dua benda yang berasingan. “*Internal*” menggabungkan antara struktur derivasi dengan objek serta meninggalkan satu salinan (tikas) dalam keadaan asal, tanpa meninggalkan ciri-ciri fonologinya, iaitu apabila X dan Y bergabung akan meninggalkan dua objek sintaksis yang tidak berubah. Gabung tidak boleh memisahkan X atau Y atau meletakkan fitur yang baru.

Berdasarkan bukti yang diberikan tentang bahasa manusia mempunyai *agreement phenomena*, Chomsky telah memperkenalkan satu lagi operasi yang dikenali sebagai keserasian (*agree*) yang menjadi penghubung antara dua elemen dalam representasi sintaksis dan mempunyai pelbagai unsur. Chomsky turut mencadangkan beberapa derivasi dalam ayat yang mengikut operasi berkenaan. Pencapaian terhadap leksikon berlaku hanya sekali, iaitu berlaku pada awal penerbitan yang menjana satu tatasusunan leksikal yang akan digunakan dalam penerbitan (ujaran). Unsur-unsur dalam tatasusunan digubah daripada satu subset ciri yang secara universalnya boleh didapati dalam semua bahasa. Terdapat sesetengah ciri berkenaan tidak dapat dijana (*uninterpretable*) kerana tidak boleh diberikan nilai (*unvalued*) pada permukaan *sensorimotor* (SM) dan *conceptual-intentional systems* (C-I), yang akan menterjemahkan derivasi daripada satu representasi sintaksis kepada representasi yang lain yang berpadanan dengan pengeluaran ujaran dan interpretasi semantik bagi bahasa berkenaan. Seterusnya, operasi keserasian (*agree*), iaitu operasi penyemakan fitur di bawah perintah-K. Fitur kategori yang tidak berinterpretasi pada posisi kepala (*head*) akan disemak dengan kategori fitur yang sama memadamkan *ufs* dengan memberikan nilai kpd *ufs*. Pengoperasian serasi (*agree*) berlaku antara struktur kepala (*head*) pada derivasi struktur akar dengan satu elemen yang mengandungi perintah-k (*c-commands*). Ciri yang tidak berinterpretasi

boleh disesuaikan melalui proses keserasian apabila mempunyai ciri yang sama. Walau bagaimanapun, ciri-ciri Φ dalam T tidak boleh disesuaikan dengan fitur Q dalam *wh* frasa kerana bentuk nyatanya. Adger (2003) menyatakan bahawa keserasian ialah:

An uninterpretable feature F on a syntactic object Y is checked when Y is in a c-command relation with another syntactic object Z which bears a matching feature F.

Fitur yang tidak berinterpretasi F pada objek sintaksis Y disemak apabila Y berada dalam satu perintah-k yang berpautan dengan objek sintaksis yang lain Z yang mempunyai fitur yang sepadan dengan F.

(Adger, 2003, p. 168)

Setelah itu, derivasi ini diteruskan untuk menentukan fasa-fasa. Satu fasa mewakili satu ungkapan yang diketuai oleh Komp atau transitif k (k^*). Satu-satu fasa dibina mengikut tatasusunan yang dilukis daripada LA, setiap satu fasa tersebut akan mengandungi sesuatu yang dikenali sebagai kepala (*head*).

Selain itu, berlaku proses pemindahan (*transfer*) daripada representasi sintaksis kepada representasi SM dan C-I, PHON (antarmuka Fonologi) dan SEM (antarmuka Semantik), berlaku dalam setiap peringkat. Oleh itu, dalam pemetaan setiap peringkat, semua fitur yang tidak berinterpretasi mesti dihapuskan. Jika terdapat uFs yang tidak berinterpretasi, fitur berkenaan perlu dipindahkan atau dipancarkan ke posisi lain bagi membolehkan berlakunya penyemakan fitur berkenaan.

Program minimalis juga turut melibatkan konsep parameter. Konsep ini menyatakan sesuatu ayat dibendung oleh parameter apabila keadaan atau cara urutan perkataan disusun dalam bahasa itu. Contoh parameter ialah SOV, SVO, dan sebagainya. Parameter untuk kata soal dikatakan sebagai *in situ* (tidak bergerak) dan bergerak.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu tentang kata soal. Kajian lepas ini kemudiannya menjadi panduan dan rujukan kepada penulis menjalankan kajian ini. Kajian yang telah dilakukan oleh Ilie (1999) mencadangkan satu rangka kerja pragmatik

untuk interpretasi bagi diskursif, dan fungsi argumentasi bagi soalan yang tidak standard yang terdapat dalam perbualan. Kajian ini hanya tertumpu pada fungsi kata soal dan bukannya kepada kata soal itu sendiri. Kajian oleh Tanaka (1998) menganalisis kata soal bagi menunjukkan perkaitan antara kata soal *in situ* dalam bahasa Inggeris dengan bahasa Jepun. Tanaka (1998) menggunakan pendekatan pergerakan LF bagi menyelesaikan fenomena yang berlaku terhadap kata soal bahasa Jepun. Kajian yang telah dilakukan oleh Petronio dan Lillo-Martin (1997) sangat berbeza daripada kajian pengkaji kerana beliau mengkaji kata soal yang terdapat pada bahasa isyarat yang digunakan oleh orang Amerika (*American Sign Language*) bagi menunjukkan pergerakan kata soal yang berlaku. Sementara itu, kajian Yanagida (1996) pula, tentang pemerhatian kata soal dalam bahasa Jepun. Berdasarkan pergerakan sintaksis, beliau menyediakan satu rumus yang seragam untuk menjelaskan halangan berkaitan dengan *minimal link condition* dengan menjadikan penulisan Chomsky (1995) sebagai garis panduan. Dapatlah disimpulkan bahawa kajian Ilie (1999), Tanaka (1998), Petronio dan Lillo-Martin (1997), dan Yanagida (1996) sangat berbeza daripada kajian penulis kerana data dan pendekatan yang digunakan oleh setiap pengkaji lepas adalah berbeza dengan pengkaji.

Beralih pula pada kajian yang dilakukan dengan menggunakan teori atau pendekatan sebagai landasan untuk menganalisis seperti yang dilakukan oleh pengkaji Barat, iaitu Shima (1998), Reinhart (1998), Denham (2000) dan Felser (2004). Pengkaji ini telah menggunakan pendekatan program minimalis sebagai kerangka kajian untuk menganalisis data. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk melihat pergerakan yang berlaku pada kata soal serta menguji adakah kata soal ini bersifat bergerak atau *in situ*. Menurut Shima (1998), dalam kata soal ini terdapat ciri yang boleh menyemak kata soal dan beliau memberikan cadangan agar perpecahan yang berlaku dalam kata soal adalah disebabkan oleh ciri yang mengalami pergerakan. Bagi Denham (2000) pula, beliau menganggap pergerakan ini berlaku dalam satu kepulauan. Namun, Reinhart (1998) pula berpendapat bahawa andaian kata soal ini bersifat *in situ* dapat diselesaikan dalam bidang sintaksis, namun bagi bidang semantik hal ini sukar untuk dijelaskan. Beliau juga menyatakan konsep ekonomi yang minimal memberikan kesan yang nyata untuk teori yang bersifat empiris. Hal yang membezakan kajian Barat ini adalah dari segi data yang digunakan.

Tidak kurang juga dengan kajian tempatan, kajian yang menggunakan program minimalis juga telah disentuh, iaitu melalui kajian yang dilakukan oleh Rogayah (2006), Wong (2009), Khairul Faiz dan Mohd Romzi (2009),

Siti Noraini dan Mariati (2009), Nurulafiqah (2010) dan Fazal Mohamed & Noriati (2017). Dalam kajian Rogayah (2006), beliau telah menggunakan data bahasa Melayu sebagai data kajian, namun kajian yang berkaitan dengan kata soal tidak dilakukan secara menyeluruh. Menyeluruh yang dimaksudkan di sini adalah dengan berdasarkan kajian lepas pengkaji hanya menggunakan dua bentuk kata soal, iaitu *siapa* dan *apakah* sahaja untuk dianalisis. Beliau tidak memfokuskan enam bentuk kata soal seperti *kenapa*, *siapa*, *mengapa*, *kenapa*, *apa* dan *bagaimana*. Bagi Wong (2009) pula, kata soal yang dikaji adalah yang berkaitan dengan kata soal yang hadir berserta dengan komplemen *yang* dan *bahawa* yang terdapat dalam bahasa Melayu standard. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nurulafiqah Suhaimi pula lebih mirip kepada kajian penulis, tetapi yang membezakannya adalah dari segi data kerana Nurulafiqah menggunakan data negeri Kedah dan penulis pula menggunakan data negeri Perlis. Perbezaan ini penting untuk melihat perbezaan distribusi dan sifat kata soal *brapa* dalam kedua-dua dialek yang dikenali sebagai dialek utara ini. Kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini dan Mariati (2009) dan juga kajian oleh Khairul Faiz dan Mohd Romzi (2009) menggunakan data bahasa orang asli. Kajian yang telah dijalankan oleh mereka sangat berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana data mereka melibatkan data orang asli yang tiada kaitan langsung dengan bahasa Melayu. Bahasa orang asli telah memasuki rumpun bahasa lain. Oleh itu, walaupun pengkaji menggunakan teori yang sama dengan kajian mereka, namun hasil dapatan yang diperoleh mungkin akan mempunyai persamaan dan juga perbezaan kerana data yang digunakan adalah berbeza. Namun, Fazal Mohamed & Noriati (2017) telah melakukan kajian terhadap ayat soal DP. Perbezaannya, kajian ini hanya melakukan analisis secara deskriptif. Tiada kajian yang berbentuk analisis sintaksis terhadap setiap ayat soal dialek Perlis itu. Oleh hal yang demikian, makalah ini akan melengkapkan kajian terhadap ayat soal DP melalui analisis sintaksis kata soal *brapa* untuk menjelaskan dengan lebih mendalam sifat kata soal dalam DP.

KONSEP KATA SOAL

Kata soal seperti yang telah diutarakan oleh Asmah (2008) mempunyai dua jenis, iaitu kata soal tertutup dan kata soal terbuka. Walau bagaimanapun, hanya kata soal terbuka yang akan dihuraikan dalam makalah ini kerana penulis hanya menganalisis kata soal terbuka dalam DP. Kata soal terbuka dalam DP tidak sama seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu. Terdapat beberapa jenis kata soal terbuka dalam DP, iaitu *apa*, *pasai apa* (*kenapa*),

awat (kenapa), lagu mana (bagaimana), macam mana (bagaimana), gheno (bagaimana), bila, berapa, sapo (siapa) dan mana. Kata soal dalam dialek ini juga boleh wujud pada semua posisi dalam ayat, iaitu di depan, tengah dan belakang ayat tanya. *Kamus Dewan Edisi Keempat (2007)* telah mendefinisikan depan sebagai hadapan atau muka. Definisi kata tengah pula ialah di dalam, di antara (masyarakat dan lain-lain) dan di antara. Seterusnya, *Kamus Dewan Edisi Keempat (2007)* mendefinisikan belakang sebagai (pada) masa yang terkemudian (terakhir). Oleh hal yang demikian, kedudukan kata soal akan dibincangkan berpandukan kedudukan depan, tengah dan belakang. Kedudukan ini akan memberikan perhatian terhadap salah satu daripada kata soal dalam DP, iaitu *berapa*. Perbincangan secara deskriptif terhadap kata soal tersebut akan disulam dengan analisis sintaksis yang menggunakan teori program minimalis sebagai kerangkanya.

KATA SOAL BERAPA


Kata soal “berapa” diucapkan sebagai *brapa* dalam DP. Kata soal *brapa* merupakan kata soal yang digunakan untuk bertanyakan nilai atau bilangan. *Brapa* ini juga mempunyai kedudukan yang unik, iaitu pada posisi depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Bagi pola yang menunjukkan kehadiran pada posisi depan ayat adalah seperti ayat (1) dan (2) yang berikut.

1. **Brapa** lama *sambung*?
Berapa lama sambung?
2. **Brapa** lama *duk* Perlis?
Berapa lama duduk di Perlis?

Berdasarkan (1) dan (2) berkenaan kata soal *brapa* yang berada pada posisi depan ayat ini didapati akan menyoal maklumat tambahan, manakala kata kerja (KK) yang diikuti kata kerja tak transitif (KKTT), iaitu pada (1) kata *sambung* dan (2) kata *duk*. Berdasarkan ayat (1) dan (2) berlaku satu fenomena, iaitu ketiadaan subjek ayat.

Berdasarkan analisis deskriptif kata soal *brapa*, didapati boleh hadir pada tiga posisi ayat, iaitu depan ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Seterusnya, data ini akan dianalisis menggunakan kerangka program minimalis. Dalam DP kata *berapa* akan disebut sebagai *brapa*. Bagi analisis yang menunjukkan kehadiran kata soal *brapa* pada posisi depan ayat ialah:

Brapa lama pro duk Perlis?
 Berapa lama pro duduk Perlis?



Rajah 2 Analisis kata soal *brapa* pada posisi depan ayat.

Kedudukan kata soal *brapa* pada posisi depan ayat dalam Rajah 2 menggambarkan bahawa kata soal ini telah mengalami transformasi untuk ke hadapan ayat. Berdasarkan Rajah 2, kata soal *brapa* berada di kedudukan adjung FK. Kata *duk* merupakan KKTT dalam DP dan tidak memerlukan objek sebagai pelengkap. Kata soal *brapa* tidak akan menjadi pelengkap dan tidak mendapat peranan teta. FN *Perlis* akan bergabung dengan FAdv *brapa lama* bagi membentuk FK. FK ini pula akan bergabung dengan KK *duk* bagi menghasilkan FK. Seterusnya, k (k kecil) akan bergabung dengan FK untuk membentuk k' (k tanda). Pasangan FK ini, iaitu k (kecil) akan membentuk

struktur cantuman, iaitu di sebelah kiri diisi oleh *duk* dan bahagian kanan pula diisi oleh kala yang tak berinterpretasi [uInfl:]. KK *duk* perlu bergerak ke struktur cantuman untuk merealisasikan kalanya. Namun begitu, pergerakan ini akan meninggalkan bekas <duk> di posisi FK. Seterusnya, k' pula akan bergabung dengan kata FN *pro* bagi membentuk Fk. Kata *pro* akan wujud di sini bagi memenuhi fitur pemilihan N kerana dalam ayat ini tiada subjek ayat. Kata nama *pro* berada di posisi spek Fk untuk memenuhi fitur pemilihan N. Seterusnya, Fk akan bergabung dengan kata adverbs *lama* bagi membentuk FAdv. Setelah itu, FAdv ini akan bergabung dengan kala yang mempunyai fitur kala *kini* dan fitur kasus yang tidak berinterpretasi untuk membentuk kala'. Kala ini akan menilai k[uInfl:] yang berada di posisi cantuman k kecil dengan nilai *kini*. Setelah dinilai fitur tak berinterpretasi [uInfl: kini] akan disemak melalui proses keserasian. Kata ganti nama *pro* dari posisi spek Fk seterusnya bergerak naik ke posisi spek Fkala untuk ditandakan kasus. Seterusnya, di posisi ini fitur uN pada FN *pro* disemak melalui hubungan SERASI dengan KALA. FN *pro* akan meninggalkan bekas <*pro*> di posisi spek Fk selepas FN *pro* bergerak ke posisi spek FKala. Fkala pula akan bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp juga akan membentuk struktur cantuman dengan meletus kepada dua, iaitu kiri diisi oleh fitur kala [kini, Q*] dan kanan diisi oleh Komp [Q]. Fitur *uwh* yang dibawa oleh Komp [Q] akan bergabung untuk membentuk Komp' [uwh*]. Maka, fitur *uwh* yang tidak berinterpretasi itu perlu disemak. Oleh hal yang demikian, kata soal *brapa* di posisi adjung FK akan naik ke posisi spek FKomp melalui proses penyemakan fitur *uwh*. Akhir sekali, pergerakan *apa* akan meninggalkan bekas <*brapa*> di posisi adjung FK.

Derivasi yang berlaku pada Rajah 1 membuktikan bahawa kata soal *brapa* yang hadir pada posisi depan dalam DP merupakan kata soal yang bersifat bergerak kerana KKTT menyebabkan kata soal berada di posisi adjung. Kedudukan adjung dianggap sebagai kedudukan yang tidak dapat “dilihat” oleh struktur sintaksis (Chomsky, 1995). Pergerakan sedemikian tidak menimbulkan apa-apa masalah kerana sekadar memenuhi fitur [+Q] di posisi Komp' sahaja.


Bagi ayat *brapa* yang berada pada posisi tengah ayat dan akhir ayat pula, dalam DP ditemui ayat yang mempunyai KK, iaitu:

3. Duk Perlis **brapa** lama?
Duduk Perlis berapa lama?
4. Duk **brapa** orang?
Duduk berapa orang?

Dalam ayat (3) dan (4) menunjukkan pola ayat yang terdiri daripada KK, iaitu untuk menyoal maklumat tambahan. KK yang digunakan ialah *duk*, tergolong dalam KKTT. Bagi ayat (3) dan (4) turut berlaku satu fenomena bahasa, iaitu ketiadaan subjek ayat.

Bagi ayat *brapa* yang berada pada posisi tengah ayat pula dapat dilihat pada rajah pohon, iaitu Rajah 3:

Pro duk **brapa** orang?
 Pro duduk berapa orang?



Rajah 3 Ayat *brapa* pada posisi tengah ayat.

Kedudukan kata soal *brapa* pada posisi tengah ayat dalam Rajah 3 menggambarkan kata soal ini berada di kedudukan adjung FK kerana kata kerja *duk* merupakan KKTT dalam DP, maka tidak memerlukan objek sebagai pelengkap. Kata soal *brapa orang* tidak akan menjadi pelengkapnya dan tidak

mendapat peranan teta. FK *duk* akan bergabung dengan FAdv *brapa orang* bagi membentuk FK. Seterusnya k (k kecil) akan bergabung dengan FK untuk membentuk k' (k tanda). Pasangan FK ini, iaitu k (kecil) akan membentuk struktur cantuman, di sebelah kiri diisi oleh *duk* dan bahagian kanan pula diisi oleh kala yang tak berinterpretasi [uInfl:]. KK *duk* perlu bergerak ke struktur cantuman untuk merealisasikan kalanya. Namun begitu, pergerakan ini akan meninggalkan bekas <duk> di posisi FK. Seterusnya, k' pula akan bergabung dengan kata FN *pro* bagi membentuk Fk. Kata *pro* akan wujud di sini bagi mengisi posisi spek kata nama untuk memenuhi fitur pemilihan N kerana dalam ayat ini tiada subjek ayat. Kata nama *pro* berada di posisi spek Fk untuk memenuhi fitur pemilihan N. Seterusnya, Fk akan bergabung dengan kala yang mempunyai fitur kala *kini* dan fitur kasus yang tidak berinterpretasi untuk membentuk kala'. Kala ini akan menilai k[uInfl:] yang berada di posisi cantuman k kecil dengan nilai *kini*. Setelah dinilai fitur tak berinterpretasi [uInfl: kini] akan disemak melalui proses keserasian. Kata ganti nama *pro* dari posisi spek Fk seterusnya bergerak naik ke posisi spek Fkala untuk ditandakan kasus. Seterusnya, pada posisi ini fitur uN di FN *pro* disemak melalui hubungan SERASI dengan KALA. FN *pro* akan meninggalkan bekas <*pro*> di posisi spek Fk selepas FN *pro* bergerak ke posisi spek FKala. Fkala pula akan bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp juga akan membentuk struktur cantuman dengan meletus kepada dua, iaitu kiri diisi oleh fitur kala [kini, Q*] dan kanan diisi oleh Komp [Q]. Fitur *uw* yang dibawa oleh Komp [Q] akan bergabung untuk membentuk Komp' [uw*]. Maka, fitur *uw* yang tidak berinterpretasi itu perlu disemak. Namun, di posisi kiri bagi pasangan komp' akan diisi oleh Operator Kosong [OP] supaya proses penyemakan dengan fitur *uw* dapat dilaksanakan.

Derivasi ini membuktikan bahawa kata soal *brapa orang* yang hadir pada posisi tengah ayat ini tidak berlaku pergerakan, iaitu *in-situ* kerana situasi KKTT *duk* menyebabkan *brapa orang* berada di posisi adjung FK. Posisi spek Fkomp pula akan diisi oleh OP yang turut menjadi penghalang kepada pergerakan FAdv *brapa orang*, tetapi kewujudannya memenuhi penyemakan fitur [uw] di Komp.

Bagi kata *brapa* yang berada pada posisi belakang ayat pula dapat dilihat pada contoh (5) dan (6), iaitu:


5. Nak *pi* pukul **brapa**?
Hendak pergi pukul berapa?

6. Siti *datang* pukul **berapa**?
 Siti datang pukul berapa?

Data kata soal *brapa* yang berada pada posisi belakang ini juga menyoal masa dalam ayat dan hadir bersama-sama dengan KKTT. KK yang hadir adalah seperti (5), iaitu *pi* dan (6) *datang*.

Bagi kata *brapa* yang berada pada posisi belakang ayat pula dapat dilihat pada Rajah 4, iaitu:

Siti *datang* pukul **brapa**?
 Siti datang pukul berapa?



Rajah 4 kata *brapa* yang berada pada posisi belakang ayat.

Struktur Rajah 4 menunjukkan kata soal *pukul brapa* berada di posisi adjung FK. Seterusnya, pasangan bagi FK dan FAdv *pukul brapa* akan bergabung bagi menghasilkan FK. Disebabkan *datang* ialah KKTT, maka tidak akan memilih argumennya. Seterusnya FK akan bergabung dengan k (k kecil) untuk membentuk k' (k tanda). Pasangan FK, iaitu k (kecil) akan membentuk struktur cantuman, iaitu di sebelah kiri diisi oleh *datang* dan bahagian kanan pula diisi oleh kala yang tak berinterpretasi [uInfl:]. KK *datang* perlu bergerak ke struktur cantuman untuk merealisasikan kalanya. Namun begitu, pergerakan ini akan meninggalkan bekas <datang> di posisi FK. Seterusnya, k' pula akan bergabung dengan kata FN *siti* bagi membentuk Fk. FN *siti* berada di posisi spek Fk untuk memenuhi fitur pemilihan N. Seterusnya, Fk akan bergabung dengan Kala yang mempunyai fitur kala *kini* dan fitur kasus yang tidak berinterpretasi untuk membentuk kala'. Kala ini akan menilai k[uInfl:] yang berada di posisi cantuman k kecil dengan nilai *kini*. Setelah dinilai fitur tak berinterpretasi [uInfl: kini] akan disemak melalui proses keserasian. Kata nama *siti* dari posisi spek Fk seterusnya bergerak naik ke posisi spek Fkala untuk ditandakan kasus. Seterusnya, pada posisi ini fitur uN di FN *siti* disemak melalui hubungan SERASI dengan KALA. FN *siti* akan meninggalkan bekas <*siti*> di posisi spek Fk selepas FN *siti* bergerak ke posisi spek FKala. Fkala pula akan bergabung dengan Komp dan membentuk Komp'. Komp juga akan membentuk struktur cantuman dengan meletus kepada dua, iaitu kiri diisi oleh fitur kala [kini, Q*] dan kanan diisi oleh Komp [Q]. Fitur [uw*] yang dibawa oleh Komp [Q] akan diprojsikan ke Komp' [uw*]. Maka, fitur *uw* yang tidak berinterpretasi itu perlu disemak. Namun demikian, posisi kiri bagi pasangan komp' akan diisi oleh Operator Kosong [OP] supaya proses penyemakan dengan fitur *uw* dapat dilaksanakan.

Derivasi ini membuktikan bahawa kata soal *brapa* yang hadir pada posisi tengah ayat ini tidak berlaku pergerakan, iaitu *in-situ* kerana situasi KKTT *datang* menyebabkan *brapa* berada di posisi adjung FK. Posisi spek Fkomp pula akan diisi oleh OP yang turut menjadi penghalang kepada pergerakan FAdv *brapa* tetapi kewujudannya memenuhi penyemakan fitur [uw] pada Komp.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kata soal *brapa* dalam DP boleh wujud pada posisi depan, tengah dan belakang ayat soal. Selain itu, kata soal *brapa* juga bergerak dan tidak bersifat *in-situ*. Pergerakan yang telah berlaku disebabkan oleh faktor

fitur yang dimiliki oleh kata soal tersebut. Hasil dapatan daripada analisis data menunjukkan bahawa kata soal *brapa* dalam DP bergerak dan *in-situ*. Kata soal *brapa* dalam DP bukan sahaja dipengaruhi oleh fitur yang dimiliki oleh fitur kata soal itu semata-mata tetapi juga oleh fitur OP, iaitu fitur operator kosong yang menghalang kata soal itu daripada bergerak. Malah kata kerja tak transitif tidak mempengaruhi kedudukan kata soal ini. Kata soal ini boleh berada pada ketiga-tiga posisi. Makalah ini mendakwa bahawa kedudukan yang bebas ini disebabkan oleh kebebasan yang disokong oleh kehadiran OP. Sekiranya kata soal ini tidak bergerak fitur OP dapat membantu menandakan keseluruhan ayat itu ialah kata soal. Sebaliknya, sekiranya kata soal ini bergerak maka kata soal ini dapat menyemak fitur [wh] pada kepala Komp yang juga dapat menandakan seluruh ayat tersebut ialah kata soal. Analisis ini dapat membuktikan bahawa kata soal boleh bersifat opsyenal kedudukannya dalam bahasa Melayu disebabkan oleh sifat komplementari fitur OP tersebut. Selain itu, analisis data yang dilakukan juga mendapati bahawa kata soal ini menduduki posisi adjung dan tidak ditandai peranan teta. Fenomena yang berlaku ini disebabkan oleh jenis kata soal itu dalam dialek ini. Kata soal ini menyoal maklumat tambahan maka kedudukannya dalam struktur sintaksis adalah di posisi adjung. Selain itu, kedudukan *in situ* lebih ekonomis berbanding pergerakan. Pergerakan memerlukan prinsip yang perlu dipenuhi sebelum ayat dianggap gramatis. Oleh itu, kajian ini mendakwa bahawa kedudukan ini bertepatan dengan konsep ekonomis yang dicadangkan oleh Chomsky (1995). Namun begitu, kajian ini dapat dikembangkan lagi sekiranya data yang melibatkan kata kerja transitif dapat dianalisis untuk melihat sifat kata soal *brapa* dalam dialek ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh dana penyelidikan FRGS di bawah kod: (UKM-SK-05-FRGS0006-2008).

RUJUKAN

- Adger, D. (2003). *Core syntax: A minimalist approach*. New York: Oxford University Press.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu kemas kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. (1979). *Dialektologi: Sebuah pengantar*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Perkembangan Bahasa.

- Chomsky, N. (1995). *The minimalist program*. London, England: The MIT Press.
- Denham, K. (2000). *Optional wh-movement in Babine-Witsuwit'en?* Netherlands: Kluwer Academic Publishers.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Noriati Muhamad. (2017). Kata soal dalam dialek Perlis. *Jurnal Akademika* 87(1), 177-187.
- Felser, C. (2004). *Wh-copying, phases, and successive cyclicity*. United Kingdom: University of Essex.
- Ilie, C. (1999). *Question-response argumentation in talk shows*. Sweden: Stockholm University.
- Kamus linguistik*. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan edisi keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Faiz Alimi & Mohd Romzi Ramli. (2009). Analisis ayat soal bahasa Mendriq menggunakan kerangka minimalis. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi (ed.). *Prosiding Bengkel Kajian Linguistik Bahasa Mendriq*. Hlm. 137-157. Bangi: Penerbit UKM.
- Petronio, K & Lillo-Martin, D. Mar. (1997). WH-Movement and the position of Spec-CP: Evidence from American sign language. *Language*, 73(1), 18-57.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1987). *Metodologi penyelidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurulafiqah Suhaimi. (2010). *Kata soal argumen dan bukan argumen dialek Bahasa Melayu Utara: Satu analisis minimalis*. Tesis Sarjana. Bangi, UKM.
- Reinhart, T. (1998). *Wh-in-situ in the framework of the minimalist program*. Netherlands: Kluwer Academic Publishers
- Rogayah A. Razak. (2006). Kajian sintaksis bahasa Melayu: Pendekatan minimalis. *Jurnal Persatuan Linguistik* 7, 62-64.
- Sakinah Nik Muhammad Naziman & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2016). Bentuk dan kedudukan kata tanya dialek Perak Utara: Satu huraian deskriptif. *Jurnal Bahasa* 16(2), 253-274.
- Shima, E. (1998). *Two types of wh-features*. Japan: Tohoku University Press.
- Siti Noraini Hamzah & Mariati Mokhtar. (2009). Analisis ayat soal bahasa Mendriq menggunakan kerangka minimalis. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad dan Harishon Radzi (ed.). *Prosiding Bengkel Kajian Linguistik Bahasa Mendriq*. Hlm. 158-183. Bangi: Penerbit UKM
- Tanaka, H. (1998). *LF pied-piping of in-situ wh-phrases*. Canada: University of British Columbia.
- Wong Bee Eng. 2009. *wh-Questions in Malay: An Explanation for the Restriction of extraction to subject position with Yang*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Yanagida, Y. 1996. *Syntactic QR in wh-in-situ languages*. Japan: Kochi University.

Diperoleh (received): 22 Disember 2017

Diterima (accepted): 14 April 2018